

HARI	:	SABTU
TARIKH	:	21/9/2019
M/SURAT	:	6

Lantik rakyat jadi mata dan telinga

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Kerajaan diminta mencari kaedah penyelesaian yang lebih berkesan seperti melantik orang ramai menjadi mata dan telinga kerajaan dalam usaha menangani masalah kegiatan penyeludupan minyak masak di negara ini.

Ketua Aktivis Persekutuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan (**gambar**) berkata, kaedah baharu itu membolehkan orang ramai bertindak menjadi pemantau dan melaporkan terus kepada pihak berkuasa berhubung kegiatan penyeludupan yang berlaku terutama di kawasan sempadan.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bukan sahaja perlu melantik malah memberi anugerah kepada mereka yang benar dalam memberikan sebarang maklumat dan aduan.

"Kerajaan perlu sedar dengan kekangan pegawai yang dimiliki tidak cukup menangani kegiatan penyeludupan minyak



bersubsidi sehingga mendorong aktiviti tersebut berleluasa dan mudah bolos di merata-rata tempat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan eksklusif *Utusan Malaysia* pada 17 September lalu yang mende-

dahkan kegiatan penyeludupan minyak masak subsidi sehingga menyebabkan kerajaan rugi ratusan juta ringgit setiap tahun.

Mengulas mengenai usaha kerajaan menubuhkan pasukan khas bagi memantau masalah itu, beliau berkata, PPIM menyambut baik usaha tersebut namun perlu bertindak lebih agresif, berintegriti dan bukannya secara bermusim.